

Saman BERSIH: K'jaan bantah Pak Samad mencelah
MalaysiaKini.com
10 Ogos, 2012
Oleh Lee Long Hui

Kerajaan akan membuat bantahan awal terhadap permohonan Pengerusi Bersama BERSIH A Samad Said dan lima lagi anggota jawatankuasa pemandu gabungan itu untuk mencelah dalam samannnya terhadap sembilan rakan mereka.

Hakim Mahkamah Tinggi Kuala Lumpur John Louis O'Hara hari ini memutuskan, penghujahan lisan daripada kerajaan serta dari enam pemohon akan dibuat pada 18 September.

Lima lagi pemohon daripada panel BERSIH Yeo Yang Poh, Hishamuddin Md Rais, Ahmad Syukri Che Razab, Subramaniam Pillay dan Liau Kok Fah.

Kerajaan persekutuan pada 15 Mei memfailkan saman sivil terhadap Pengerusi Bersama BERSIH Datuk S Ambiga dan sembilan anggota jawatankuasa pemandu BERSIH.

Kerajaan menuntut ganti rugi sebanyak RM122,000 atas kerosakan yang berlaku dalam perhimpunan BERSIH pada 28 April lalu.

Bulan lagi, enam anggota jawatankuasa BERSIH memohon sebagai pencelah dalam kes itu atas alasan mereka turut terlibat dalam penganjuran perhimpunan proreformasi sistem pilihan raya itu.